



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## **TEKS UCAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PUSAT BELI BELAH KOMUNITI**  
**KREATIF GMBB**

**1 OGOS 2024**

**THE GREY BOX**  
**GMBB KUALA LUMPUR**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ  
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفَ  
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

### **SALUTASI AKAN DISEDIAKAN**

Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini bagi menjayakan Majlis Perasmian Pusat Beli Belah Komuniti Kreatif GMBB.
  
2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak GMBB kerana sudi menjemput saya ke majlis pada hari ini yang sudah tentunya akan memberi lembaran baharu buat Kuala Lumpur.

3. Saya percaya, Pusat Beli Belah Komuniti Kreatif GMBB ini bukan sahaja memberi peluang kepada orang awam untuk mengenali dunia seni kreatif, malah turut akan memberi impak yang besar kepada komuniti kreatif untuk terus membangunkan kepelbagaian ekosistem seni yang mampu berinteraksi dan berkembang dengan lebih baik.

## **GMBB SEBAGAI DESTINASI SENI DAN KREATIVITI DI KUALA LUMPUR**

Para hadirin sekalian,

4. Penubuhan GMBB sebagai sebuah pusat beli belah komuniti kreatif seumpamanya amat bermakna dalam menggalakkan impak sosial positif dan kesejahteraan warga Kuala Lumpur. Saya dimaklumkan, GMBB ini dimajukan untuk menangani kekurangan ruang fizikal bagi komuniti kreatif tempatan dan kosepnya diinspirasikan dari pusat beli belah yang berorientasikan seni seperti 798 Art Zone di Beijing dan PMQ di Hong Kong.

- 
- 
- 
- 
- 
5. Saya juga difahamkan, GMBB turut menawarkan galeri seni, studio, bengkel dan ruang pameran yang menempatkan lebih dari 100 artis, artisan dan kreatif unik. Tahniah!
6. Saya percaya, GMBB akan menjadi salah satu destinasi pelancongan yang wajib dikunjungi oleh pelancong antarabangsa mahupun domestik apabila tiba di Kuala Lumpur.

## **KERAJAAN MENYOKONG INDUSTRI KREATIF DAN BUDAYA**

Para hadirin sekalian,

7. Penubuhan GMBB ini selari dengan hasrat Kerajaan untuk memberi fokus kepada pemerkasaan industri kreatif dan budaya. Kerajaan pada hari ini sentiasa memberi penekanan yang serius kepada peri pentingnya bakat tempatan, khususnya dalam menyokong penyediaan platform untuk mereka terus berkarya seperti ini.

8. Untuk makluman para hadirin, industri kreatif menyumbang sekitar 2% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Namun, industri ini tidak hanya menyumbang kepada ekonomi, malah turut mempromosikan pembangunan sosial, inovasi dan pemeliharaan budaya yang juga merupakan aspek penting dalam pembangunan sosio ekonomi masyarakat di Malaysia.

9. Sokongan daripada Kerajaan ini telah dibuktikan melalui Belanjawan 2024, dimana Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM 160 juta untuk menyokong dan merancakkan lagi industri seni dan kreatif.
10. Ini termasuklah peruntukan bagi Program Geran Kreatif Kuala Lumpur oleh Think City berjumlah sehingga RM 20 juta yang telah saya lancarkan bulan Mei baru-baru ini. Geran ini perlu dimanfaatkan sebaiknya untuk menyokong pemulihan ekonomi dan budaya kreatif di Kuala Lumpur.

11. Dengan pertumbuhan yang pesat dalam industri ini, Malaysia berada pada landasan yang baik untuk menjadikan industri ini sebagai antara sektor ekonomi utama, khususnya dengan permintaan bakat kreatif yang dijangka meningkat pada kadar 7.59% setiap tahun untuk tiga tahun mendatang.

## **KEPERLUAN PENDEKATAN *WHOLE-OF-NATION* DALAM MENGHIDUPKAN SEMULA PUSAT BANDAR KUALA LUMPUR**

Para hadirin sekalian,

12. Saya secara peribadi sentiasa menyokong usaha ini dan tidak akan hanya terhenti setakat ini. Sepanjang 5 dekad Wilayah Persekutuan ini, kita telah menyaksikan dan menikmati manfaat pembangunan fizikal yang pesat dan terus berkembang. Pembangunan fizikal ini haruslah diseimbangkan dengan pembangunan sosial.

13. Sehubungan itu, Jabatan Wilayah Persekutuan melalui DBKL dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan seperti Think City, GMBB dan banyak lagi sedang rancak dalam usaha untuk menghidupkan semula Pusat Bandar Kuala Lumpur agar ibu kota ini dapat mengintegrasikan keperluan fizikal dan sosial rakyat Malaysia secara amnya, dan penduduk Kuala Lumpur, secara amnya.

14. Pengintegrasian ini adalah penting untuk meningkatkan penjenamaan Kuala Lumpur di persada antarabangsa, di samping mengukuh kedudukannya sebagai pemain utama dalam ekonomi global. Usaha ini penting, khususnya menjelang kepengerusian Malaysia di ASEAN pada tahun hadapan dan menjelang Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2026. Sudah pasti jumlah pelancong akan terus bertambah dan Kerajaan menganggarkan seramai 35.6 juta pelancong dengan *anticipated tourism revenue* sebanyak RM 147.1 bilion.

15. Sehubungan itu, adalah penting untuk kita memastikan pelancong yang masuk ke negara kita, terutama melalui pintu masuk utama negara iaitu Kuala Lumpur, merasai *tourist experience journey* yang baik. Namun, tugas dan peranan ini tidak boleh diletakkan hanya pada bahu Kerajaan semata-mata. Sebaliknya, konsep whole-of-nation approach ini semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing.

16. Di peringkat Kerajaan, ingin saya maklumkan bahawa Jawatankuasa Pemandu Kuala Lumpur Creative and Cultural District (KLCCD) telah pun ditubuhkan untuk memimpin dan memantau komponen-komponen utama dalam menstrategikan pemulihan ekonomi melalui budaya kreatif di Kuala Lumpur. Bagi tujuan ini, YB Menteri Kewangan II dan saya sendiri mempengerusikan secara bersama jawatankuasa ini bagi mamastikan usaha-usaha yang digariskan terlaksana dengan tujuan untuk memberi nafas baharu kepada Pusat Bandar Kuala Lumpur sebagai destinasi kreatif bertaraf dunia.

## **PENUTUP**

Para hadirin sekalian,

17. Sekali lagi tahniah saya ucapkan kepada pihak GMBB atas inisiatif dan kejayaan ini. Saya percaya, GMBB akan menjadi ikon baharu dalam landskap seni dan budaya di Kuala Lumpur di mana ia boleh dijadikan tempat komuniti kreatif berkumpul, berkongsi idea dan memupuk kreativiti.
  
18. Saya juga menyeru semua pihak, baik swasta, NGO maupun orang ramai, untuk terus menyokong inisiatif yang dimainkan oleh GMBB dan inisiatif-inisiatif seumpamanya.

19. Dengan lafaz  
Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Pusat Beli Belah Komuniti Kreatif GMBB.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah  
wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.

Terima kasih.